

**Senarai Produk Penyelidikan Pusat:**

<b>BIL</b>	<b>PRODUK DAN KETERANGAN RINGKAS</b>	<b>BUTIRAN PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI</b>	<b>STATUS PRODUK (Untuk pemantauan di peringkat pusat)</b>
1.	<p>Nama produk: MIROS Road Analysis and Database System (M-ROADS)</p> <p>Keterangan: M-ROADS adalah sistem yang dibangunkan oleh MIROS bagi memudahkan proses pengumpulan, pengurusan dan analisa data. Setiap tahun, terdapat lebih 400,000 kes kemalangan jalan raya yang berlaku di negara kita. Pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM) akan mengumpulkan butiran terperinci bagi setiap kes untuk tujuan penyiasatan. Selain digunakan sebagai rujukan kes, data terkumpul ini juga boleh digunakan bagi tujuan penjanaan statistik dan penambahbaikan keselamatan jalan raya dengan mengenalpasti punca-punca kemalangan tersebut.</p> <p>Pembangunan M-ROADS telah membolehkan data-data ini dianalisa dengan mudah bagi menyokong aktiviti penyelidikan menerusi pengenalpastian masalah dan punca kemalangan. Penggunaan M-ROADS juga telah menjayakan pelbagai pelaksanaan program dan intervensi keselamatan jalan raya.</p>	<p>Nama: Hizal Hanis Hashim No Tel: 03 – 8924 9200 Emel: hizalhanis@miros.gov.my</p>	Sedia dipasarkan

BIL	PRODUK DAN KETERANGAN RINGKAS	BUTIRAN PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI	STATUS PRODUK (Untuk pemantauan di peringkat pusat)
	<p>M-ROADS telah memenangi tempat ke-3 untuk 'Innovation Award for Road Transport in Developing Countries (INAROAD) 2010' diatas sumbangannya dalam proses analisa data kemalangan jalan raya bagi merangka program-program dan intervensi keselamatan jalan raya yang dijalankan. Anugerah ini adalah anjuran 'International Road Federation (IRF)'.</p>		
2.	<p>Nama produk: Guidebook for Traffic and Road Safety Audit (MeTRA) Keterangan: MeTRA stands for 'Guidebook for Traffic &amp; Road Safety Audit'. This guidebook will revolutionise road safety auditing by synergising various road safety issues with specific methodology. This book is specifically designed for road safety personnel, professional engineers and auditors, researchers, government and local authority in order to assist in identifying many road safety deficiencies. It is applicable to all operational roads in Malaysia regardless of its types and usage. User will be assigned to various issues in the form of question pertaining to road safety. These questions will then be associated</p>	<p>Nama: Norfaizah Mohd Khaidir No Tel: 03 – 8924 9200 Emel: metra@miros.gov.my</p>	Sedia dipasarkan

BIL	PRODUK DAN KETERANGAN RINGKAS	BUTIRAN PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI	STATUS PRODUK (Untuk pemantauan di peringkat pusat)
	<p>with desired specification and road standard that allows users to compare and judge a road safety issue after completing the dedicated and detail tasks ranging from on site measurements to small volume traffic counts.</p> <p>In complimenting road safe audit works, MeTRA will give better direction and focus in mitigating deficiencies and proposing coun-termeasures.</p>		

**Senarai Perundingan Penyelidikan Pusat:**

BIL	PRODUK DAN KETERANGAN RINGKAS	BUTIRAN PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI	STATUS PRODUK (Untuk pemantauan di peringkat pusat)
3.	<p>Nama produk: Statistical Consultation Clinic (SCC)</p> <p>Keterangan:  “Statistical Consultation Clinic (SCC)” adalah cetusan idea dari Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dalam memantapkan kualiti penyelidikan terutamanya dalam merancang, pungutan data, dan menganalisis, samada data primer mahu pun data sekunder.</p>	<p>Nama: Rohayu Sarani  No Tel: 03 – 8924 9200  Emel:scc@miros.gov.my</p>	Perkhidmatan sedia diberikan.

BIL	PRODUK DAN KETERANGAN RINGKAS	BUTIRAN PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI	STATUS PRODUK (Untuk pemantauan di peringkat pusat)
	<p>Di SCC Penyelidik dan Pembantu Penyelidik boleh mendapatkan khidmat nasihat dan rundingan berkenaan kaedah-kaedah berstatistik, perisian-perisian statistik yang digunakan, dan isu-isu terkini dalam penggunaan kaedah berstatistik terutamanya dalam penyelidikan keselamatan jalan raya.</p> <p>SCC juga menjadi pusat rujukan berkaitan hal-ehwal berkaitan kaedah-kaedah berstatistik terutamanya kepada Pegawai Penyelidik dan Pembantu Penyelidik, serta kepada agensi luar yang memerlukan khidmat nasihat.</p>		
4.	<p>Nama produk: Pengumpulan data infrastruktur jalan dan persekitaran</p> <p>Keterangan: Data-data seperti imej dan video rakaman persekitaran jalan raya boleh dikumpul di lapangan melalui kaedah pandu lalu menggunakan RADIS. RADIS ataupun <i>Road Attribute Data Logger &amp; Inspection System</i> merupakan sebuah sistem pengumpulan dan perakaman data video dan imej yang dilengkapi dengan sensor GPS untuk</p>	<p>Nama: Alvin Poi No Tel: 03 – 8924 9200 Emel: <a href="mailto:alvinpoi@miros.gov.my">alvinpoi@miros.gov.my</a></p>	Perkhidmatan sedia diberikan.

BIL	PRODUK DAN KETERANGAN RINGKAS	BUTIRAN PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI	STATUS PRODUK (Untuk pemantauan di peringkat pusat)
	<p>merekod keadaan persekitaran jalan raya.</p> <p>Data-data ini lazimnya digunakan oleh pihak berkuasa jalan untuk mengurus dan mengemaskini inventori aset infrastruktur jalan. Selain itu, maklumat-maklumat yang diperolehi melalui rakaman video dan imej ini boleh digunakan untuk kerja-kerja penilaian keselamatan jalan raya.</p> <p>Output yang boleh dijanakan melalui perkhidmatan ini adalah laporan analisis ciri-ciri keadaan infrastruktur jalan raya.</p>		
5.	<p>Nama produk: Penilaian Keselamatan Jalan Raya (Kaedah iRAP atau <i>International Road Assessment Programme</i>)</p> <p>Keterangan: iRAP merupakan salah satu kaedah penilaian keselamatan jalan raya bertaraf antarabangsa di mana ia kini sudah dilaksanakan di kebanyakan negara-negara membangun dan sedang membangun. Prinsip yang digunakan adalah berdasarkan tahap keselamatan infrastruktur jalan raya yang ditentukan melalui penarafan bintang.</p>	<p>Nama: Alvin Poi No Tel: 03 – 8924 9200 Emel: alvinpoi@miros.gov.my</p>	Perkhidmatan sedia diberikan

BIL	PRODUK DAN KETERANGAN RINGKAS	BUTIRAN PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI	STATUS PRODUK (Untuk pemantauan di peringkat pusat)
	<p>Selain itu, penilaian kaedah iRAP ini juga melibatkan analisis faedah-kos (<i>benefit-cost analysis</i>) di mana nilai manfaat kepada kos penambahbaikan akan dikira untuk memberi panduan kepada pihak berkepentingan dalam melaksanakan projek-projek penambahbaikan jalan.</p> <p>Output yang boleh dijanakan melalui proses penilaian ini adalah:</p> <p>a) Peta Penarafan Bintang Jalan Raya b) Senarai Projek Penambahbaikan Mengikut Keutamaan</p>		
6.	<p>Nama produk: Penilaian Keselamatan Jalan Raya (<i>Road Safety Assessment</i>)</p> <p>Keterangan: Selain kaedah iRAP, kaedah penilaian keselamatan jalan raya juga boleh dijalankan melalui pemerhatian dan pencerapan data di lapangan. Data-data yang dicerap akan dianalisis untuk dibandingkan dengan tahap piawaian yang perlu dipatuhi untuk mengenalpasti aspek-aspek keselamatan yang perlu ditingkatkan.</p>	<p>Nama: Sharifah Allyana No Tel: 03 – 8924 9200 Emel: allyana@miros.gov.my</p>	Perkhidmatan sedia diberikan

BIL	PRODUK DAN KETERANGAN RINGKAS	BUTIRAN PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI	STATUS PRODUK (Untuk pemantauan di peringkat pusat)
	<p>Bagi memastikan kerja-kerja penilaian dapat dilakukan dengan berkesan, MIROS telah membangunkan sebuah buku panduan iaitu MeTRA (<i>Guidebook for Traffic and Road Safety Audit</i>) untuk dijadikan sebagai panduan. Buku ini merangkumi kebanyakan aspek-aspek keselamatan kejuruteraan jalan yang perlu dinilai serta mengandungi spesifikasi dan piawaian yang perlu dirujuk.</p>		
7.	<p>Nama produk: Kursus Penilaian Keselamatan Jalan Raya Menggunakan Kaedah iRAP</p> <p>Keterangan: MIROS menyediakan kursus latihan kepada mereka yang ingin memahirkan diri dalam menjalankan penilaian keselamatan jalan raya menggunakan kaedah iRAP. Kursus ini antara lain bertujuan mendedahkan para peserta kepada prinsip, kaedah serta perisian iRAP. Di samping itu, kursus ini menyediakan satu platform di mana para peserta boleh dilatih untuk mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari dalam tugas penilaian keselamatan jalan di organisasi masing-masing.</p>	<p>Nama: Alvin Poi No Tel: 03 – 8924 9200 Emel: alvinpoi@miros.gov.my</p>	Perkhidmatan sedia diberikan

BIL	PRODUK DAN KETERANGAN RINGKAS	BUTIRAN PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI	STATUS PRODUK (Untuk pemantauan di peringkat pusat)
8.	<p>Nama produk: Kursus Penilaian Keselamatan Jalan Raya Menggunakan MeTRA</p> <p>Keterangan: MIROS juga menyediakan kursus latihan untuk mereka yang berminat untuk mempelajari kaedah penilaian keselamatan jalan raya menggunakan MeTRA. Kursus yang biasanya dijalankan selama 2 – 3 hari ini bertujuan untuk memberi pengenalan kepada setiap topik MeTRA serta teknik-teknik pengumpulan data yang terlibat. Kursus ini biasanya melibatkan aktiviti pengumpulan data di lapangan berhampiran tempat kursus diadakan.</p>	<p>Nama: Norfaizah Mohd Khaidir No Tel: 03 – 8924 9200 Emel: metra@miros.gov.my</p>	Kursus sedia dijalankan.